

20 NOV 1999

Fadzil-Harun Din

FADZIL NOOR BELUM DAPAT MAKLUMAT HARUN DIN TIDAK TANDING

PENDANG, 20 Nov (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Fadzil Noor berkata beliau belum mendapat maklumat kenapa Datuk Dr Harun Din tidak bertanding sebagai calon parti itu bagi mana-mana kerusi pada pilihan raya umum ini.

"Saya belum ada maklumat yang jelas dan tidak pasti lagi sebab-sebabnya kenapa beliau tidak bertanding," katanya kepada pemberita selepas pengumuman penamaan calon kawasan Parlimen Pendang, di sini hari ini.

Fadzil berkata, beliau selepas ini akan mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak-pihak tertentu mengenai perkara itu.

Beliau berkata sebelum ini nama Harun turut disenaraikan sebagai seorang daripada bakal calon PAS untuk pilihan raya ini.

Harun, anak kelahiran Perlis, dilaporkan akan bertanding sebagai calon PAS di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tambun Tulang di Perlis untuk berhadapan dengan Menteri Besar Tan Sri Shahidan Kassim.

Beliau juga pernah dikatakan akan menentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Bagaimanapun pada penamaan calon hari ini Harun tidak menyerahkan borang pencalonannya di mana-mana kawasan. Sebaliknya Shahidan akan berhadapan dengan Ketua Dewan Pemuda PAS Perlis Ismail Ahmad dan Dr Mahathir pula dicabar oleh anggota Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Subky Latif.

Sementara itu, Fadzil yang menentang Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Othman Abdul di Parlimen Pendang melahirkan keyakinan meraih kemenangan hasil pemantauan yang dilakukan Pas di kawasan itu.

Othman merupakan penyandang kerusi Parlimen di sini dan pada pilihan raya umum 1995 beliau menewaskan calon PAS Mohamed Taulan Rasul dengan majoriti 1,961 undi.

Manakala dua kerusi DUN di situ, iaitu Bukit Raya yang disandang oleh Fadzil sejak 1982 dan Sungai Tiang turut menghadapi pertarungan dua penjurua antara BN dengan PAS.

PAS kini meletakkan Mohamed Taulan untuk berhadapan dengan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pendang Abdullah Bahari di Bukit Raya manakala di Sungai Tiang, Timbalan Persurujaya PAS Kedah Abdul Rahim Abdul Rahman mencabar Setiausaha Politik Menteri Besar Kedah Md. Rozai Shafian.

Fadzil pada pilihan raya kali ini juga turut bertanding di kerusi DUN Anak Bukit dalam kawasan Parlimen Kuala Kedah menentang anggota Exco kerajaan negeri Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin.

-- BERNAMA

MN MFJ NMO